

## **AKTIVITI BULAN KEMERDEKAAN 2002**

Larian Bendera Keranamu Malaysia 2002 yang diadakan pada 30 Ogos 2002 ini merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis dan telah disertai oleh semua Jabatan Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negeri Perlis. KUKUM telah mengambil bahagian dengan menghantar 20 orang kakitangannya dengan diketuai oleh Yang Berbahagia Profesor Dr Kamarudin Hussin.

Larian bendera ini bermula di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Padang Besar dan dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Objektif program ini adalah untuk menanamkan semangat cintakan tanah air dan meningkatkan semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan rakyat.

KUKUM telah menghantar seramai 35 orang kakitangan dan 35 orang pelajarnya bagi menyertai Pertandingan Kawad Hari Kebangsaan yang diadakan di Padang Bandaran, Kangar pada 31 Ogos 2002. Pertandingan kawad ini merupakan anjuran Kerajaan Negeri Perlis dan disertai oleh semua badan kerajaan dan badan bukan kerajaan. KUKUM telah muncul sebagai johan bagi kategori persatuan/pertubuhan/swasta dalam pertandingan yang berobjektifkan untuk membina disiplin diri dan menanam semangat cintakan negara. Tahniah kepada semua yang berjaya.